



## KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA MALAYSIA

---

### SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2002

---

#### **KAEDAH PERGERAKAN GAJI PEGAWAI CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH, CUTI SEPARUH GAJI DAN CUTI TANPA GAJI DI BAWAH SISTEM SARAAN MALAYSIA**

#### **TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memberi penjelasan lanjut kepada perenggan 63 dan 64, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 dan perenggan 50 dan 51, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2002, iaitu mengenai kaedah pergerakan gaji pegawai yang diluluskan cuti belajar, cuti separuh gaji dan cuti tanpa gaji di bawah Sistem Saraan Malaysia.

#### **DEFINISI**

2. Untuk maksud Surat Pekeliling Perkhidmatan ini:

**“cuti belajar bergaji penuh (CBBP)”** ialah cuti yang diluluskan oleh pihak berkuasa melulus kepada seseorang pegawai untuk mengikuti kursus latihan atau pengajian dan dalam tempoh tersebut pegawai dibayar gaji penuh sama ada dengan atau tanpa penajaan;

**“cuti separuh gaji (CSG)”** ialah cuti yang diluluskan oleh pihak berkuasa melulus kepada seseorang pegawai untuk mengikuti kursus latihan atau pengajian atau kerana mengidap penyakit tertentu iaitu tibi, kusta, barah atau penyakit lain yang seumpamanya yang diperakukan oleh Lembaga Perubatan. Dalam tempoh tersebut pegawai dibayar separuh gaji; dan

**“cuti tanpa gaji (CTG)”** ialah cuti yang diluluskan oleh pihak berkuasa melulus untuk tujuan belajar, mengikuti suami atau isteri belajar atau bertugas di dalam atau luar negara.

## **LATAR BELAKANG**

3. Sistem Saran Malaysia telah membuat beberapa penambahbaikan syarat-syarat perkhidmatan, antaranya ialah pergerakan gaji tahunan secara sebenar kepada pegawai yang diluluskan CBBP dan pergerakan gaji secara isyarat kepada pegawai yang diluluskan CSG dan CTG.

## **KAEDAH PELAKSANAAN**

### **Cuti Belajar Bergaji Penuh**

4. Sistem Saran Malaysia membuat penambahbaikan dengan membolehkan pegawai yang diluluskan CBBP diberi pergerakan gaji sebenar sepanjang tempoh kursus. Pergerakan gaji sebenar boleh dibayar kepada pegawai yang diluluskan CBBP mulai 1 November 2002 dan yang masih dalam CBBP pada atau selepas 1 November 2002.

5. Bagi pegawai yang masih dalam CBBP pada 1 November 2002, pergerakan gaji secara isyarat yang telah diberi akan dibayar secara sebenar

mulai 1 November 2002 tanpa bayaran kebelakangan bagi tempoh sebelum tarikh tersebut. Contoh pelarasan gaji seperti **Lampiran A**.

### **Cuti Separuh Gaji dan Cuti Tanpa Gaji**

6. Pegawai dalam **CSG atau CTG yang tidak melebihi 180 hari dalam satu tahun kalendar** mendapat pergerakan gaji seperti berikut:

- (i) jika tarikh pergerakan gaji berada di luar tempoh CSG atau CTG, pegawai mendapat pergerakan gaji secara sebenar. Contoh pergerakan gaji seperti **Lampiran B**;
- (ii) jika tarikh pergerakan gaji berada dalam tempoh CSG atau CTG, pegawai CSG mendapat pergerakan gaji secara sebenar atas kadar separuh gaji, manakala pegawai CTG pula mendapat pergerakan gaji secara isyarat; dan
- (iii) pergerakan gaji secara isyarat pegawai CTG di perenggan (ii) di atas **tidak diambil kira sebagai tiga kali pergerakan gaji secara isyarat di bawah Sistem Saraan Malaysia** kerana CTG pegawai tidak melebihi 180 hari dalam satu tahun kalendar. Contoh pergerakan gaji seperti **Lampiran C dan C1**.

7. Pegawai yang diluluskan **CSG atau CTG melebihi 180 hari dalam satu tahun kalendar** diberi pergerakan gaji secara isyarat tidak lebih daripada tiga kali sepanjang tempoh perkhidmatan mulai tahun 2003. Kesan CSG atau CTG kepada pergerakan gaji secara isyarat pegawai ialah pada tahun berikutnya. Kaedahnya adalah seperti berikut:

- (i) diberi tiga kali pergerakan gaji secara isyarat sepanjang tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan, sama ada perkhidmatan itu berterusan atau terputus;
- (ii) pergerakan gaji secara isyarat yang diterima sebelum tahun 2003 tidak diambil kira sebagai tiga kali pergerakan gaji secara isyarat di bawah Sistem Saraan Malaysia; dan
- (iii) pegawai yang CSG atau CTG atas sebab selain daripada yang ditakrifkan dalam perenggan 2 tidak layak mendapat pergerakan gaji secara isyarat.

Contoh pergerakan gaji seperti di **Lampiran D, D1 dan D2**.

8. Pergerakan gaji secara isyarat yang telah diberikan semasa CSG atau CTG akan diselaraskan secara sebenar mulai tarikh pegawai melapor diri bertugas semula.

#### **Penilaian Tahap Kecekapan Semasa Bercuti**

9. Pegawai CBBP boleh dibenarkan menduduki Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sekiranya pegawai lulus PTK, mereka layak dipertimbangkan anjakan gaji pada tahun berikutnya walaupun pegawai sedang CBBP.

10. Pegawai CSG dan CTG boleh dibenarkan menduduki PTK tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dan atas perbelanjaan sendiri. Untuk tujuan ini, Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) yang digunakan ialah LNPT terakhir sebelum pegawai bercuti. Sekiranya pegawai lulus PTK, mereka boleh dipertimbangkan anjakan gaji selepas melapor diri bertugas tertakluk kepada:

- (i) mempunyai LNPT selepas kembali melapor diri bertugas; dan
- (ii) diperakukan oleh Ketua Jabatan.


## **PEMAKAIAN**

11. Pemakaian Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan, tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

## **TARIKH KUAT KUASA**

12. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dikuatkuasakan mulai 1 November 2002.

### **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

20 NOVEMBER 2002

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

## Lampiran A

### **CONTOH PELARASAN GAJI PEGAWAI CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH (CBBP)**

Jawatan: Pegawai Undang-Undang Gred L41 (L3)

Tarikh Pergerakan Gaji: 1 April

Tempoh CBBP: 1.5.2001 - 31.4.2003

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1.4.2001	2167.00 / P1T10	Tarikh pergerakan gaji. Pergerakan gaji secara mendatar.
1.5.2001	2167.00 / P1T10	Tarikh pegawai mula CBBP.
1.1.2002	2383.70 / P1T10	Pelarasan gaji 10%.
1.4.2002	2383.70 / P1T10 (2463.56 / P1T11)	Tarikh pergerakan gaji. Pegawai diberikan pergerakan gaji secara isyarat kerana CBBP lebih daripada 6 bulan pada tahun 2001 di bawah SSB.
1.11.2002	2528.56 / P1T11	Pegawai terima Sistem Saraan Malaysia. Pergerakan gaji secara isyarat pada 1.4.2002 diselaraskan secara sebenar mulai 1.11.2002.
1.4.2003	2608.42 / P1T12	Tarikh pergerakan gaji. Pergerakan gaji biasa.
1.5.2003	2608.42 / P1T12	Tarikh pegawai melapor diri bertugas selepas CBBP.

Catatan: Gaji dalam ( ) adalah secara isyarat

## **Lampiran B**

### **CONTOH PERGERAKAN GAJI PEGAWAI CUTI TANPA GAJI (CTG) TIDAK MELEBIHI 180 HARI DALAM SATU TAHUN KALENDAR DAN TARikh PERGERAKAN GAJI BERADA DI LUAR TEMPOH CTG**

Jawatan: Pembantu Tadbir Gred N17 (N9)

Tarikh Pergerakan Gaji: 1 Oktober

Tempoh CTG: 1.12.2002 - 31.5.2003

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1.10.2002	960.74 / P1T9	Tarikh pergerakan gaji. Pergerakan gaji secara mendatar.
1.11.2002	975.74 / P1T9	Pegawai terima Sistem Saraan Malaysia.
1.12.2002	(975.74 / P1T9)	Tarikh pegawai mula CTG.
1.6.2003	975.74 / P1T9	Tarikh pegawai melapor diri bertugas selepas CTG.
1.10.2003	1015.67 / P1T10	Tarikh pergerakan gaji. Pegawai diberi pergerakan gaji biasa secara sebenar kerana CTG kurang daripada 180 hari dalam tahun 2002.

Catatan: Gaji dalam ( ) adalah secara isyarat

**Lampiran C**

**CONTOH PERGERAKAN GAJI PEGAWAI CUTI SEPARUH GAJI  
(CSG) TIDAK MELEBIHI 180 HARI DALAM SATU TAHUN  
KALENDAR DAN TARikh PERGERAKAN GAJI  
BERADA DALAM TEMPOH CSG**

Jawatan: Pembantu Tadbir Gred N17 (N9)

Tarikh Pergerakan Gaji: 1 Oktober

Tempoh CSG: 1.12.2002 - 31.3.2004

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1.10.2002	960.74 / P1T9	Tarikh pergerakan gaji. Pergerakan gaji secara mendatar.
1.11.2002	975.74 / P1T9	Pegawai terima Sistem Saraan Malaysia.
1.12.2002	487.87 / P1T9 (975.74 / P1T9)	Tarikh pegawai mula CSG.
1.10.2003	507.84 / P1T10 (1015.67 / P1T10)	Tarikh pergerakan gaji. Pegawai diberi pergerakan gaji biasa secara sebenar kerana CSG kurang daripada 180 hari pada tahun 2002.
1.4.2004	1015.67 / P1T10	Pegawai melapor diri bertugas selepas CSG.

Catatan: Gaji dalam ( ) adalah secara isyarat

## Lampiran C1

### **CONTOH PERGERAKAN GAJI PEGAWAI CUTI TANPA GAJI (CTG) TIDAK MELEBIHI 180 HARI DALAM SATU TAHUN KALENDAR DAN TARIKH PERGERAKAN GAJI BERADA DALAM TEMPOH CTG**

Jawatan: Pembantu Tadbir Gred N17 (N9)

Tarikh Pergerakan Gaji: 1 Oktober

Tempoh CTG: 1.9.2003 - 31.3.2004

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1.10.2002	960.74 / P1T9	Tarikh pergerakan gaji. Pergerakan gaji secara mendatar.
1.11.2002	975.74 / P1T9	Pegawai terima Sistem Saraan Malaysia.
1.9.2003	(975.74 / P1T9)	Pegawai mula CTG.
1.10.2003	(1015.67 / P1T10)	Tarikh pergerakan gaji. Pegawai diberi pergerakan gaji biasa secara isyarat kerana tarikh pergerakan gaji berada dalam tempoh CTG. Pergerakan gaji ini <b>tidak diambil kira</b> sebagai pergerakan gaji secara isyarat kali pertama di bawah Sistem Saraan Malaysia.
1.4.2004	1015.67 / P1T10	Tarikh pegawai melapor diri bertugas selepas CTG.
1.10.2004	1055.60 / P1T11	Tarikh pergerakan gaji. Pegawai diberi pergerakan gaji biasa secara sebenar kerana CTG tidak melebihi 180 hari pada tahun 2003.

Catatan: Gaji dalam ( ) adalah secara isyarat

## Lampiran D

### **CONTOH PERGERAKAN GAJI PEGAWAI CUTI SEPARUH GAJI (CSG) MELEBIHI 180 HARI DALAM SATU TAHUN KALENDAR**

Jawatan: Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 (N6)

Tarikh Pergerakan Gaji: 1 April

Tempoh CSG: 1.12.2002 - 15.9.2004

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1.4.2002	1161.60 / P1T5	Tarikh pergerakan gaji. Pergerakan gaji secara mendatar.
1.11.2002	1176.60 / P1T5	Pegawai terima Sistem Saraan Malaysia.
1.12.2002	588.30 / P1T5  (1176.60 / P1T5)	Pegawai mula CSG.
1.4.2003	614.92 / P1T6  (1229.84 / P1T6)	Tarikh pergerakan gaji. Pegawai diberi <b>pergerakan gaji biasa secara sebenar</b> kerana CSG kurang daripada 180 hari pada tahun 2002.
1.4.2004	614.92 / P1T6  (1283.08 / P1T7)	Tarikh pergerakan gaji. Pegawai diberi <b>pergerakan gaji biasa secara isyarat kali pertama</b> di bawah Sistem Saraan Malaysia kerana CSG melebihi 180 hari pada tahun 2003.
16.9.2004	1283.08 / P1T7	Tarikh pegawai melapor diri bertugas selepas CSG.
1.4.2005	1283.08 / P1T7  (1336.32 / P1T8)	Tarikh pergerakan gaji. Pegawai diberi <b>pergerakan gaji biasa secara isyarat kali kedua</b> di bawah Sistem Saraan Malaysia kerana CSG melebihi 180 hari pada tahun 2004.

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1.4.2006	1389.56 / P1T9	Tarikh pergerakan gaji. Pegawai diberi pergerakan gaji biasa secara sebenar.

Catatan: Gaji dalam ( ) adalah secara isyarat

## Lampiran D1

### **CONTOH PERGERAKAN GAJI PEGAWAI CUTI TANPA GAJI (CTG) MELEBIHI 180 HARI DALAM SATU TAHUN KALENDAR**

Jawatan: Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 (N6)

Tarikh Pergerakan Gaji: 1 Oktober

Tempoh CTG: 15.11.2002 - 15.9.2003

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1.10.2002	1161.60 / P1T5	Tarikh pergerakan gaji. Pergerakan gaji secara mendatar.
1.11.2002	1176.60 / P1T5	Pegawai terima Sistem Saraan Malaysia.
15.11.2002	(1176.60 / P1T5)	Pegawai mula CTG.
16.9.2003	1176.60 / P1T5	Tarikh pegawai melapor diri bertugas selepas CTG.
1.10.2003	1229.84 / P1T6	Tarikh pergerakan gaji. Pegawai diberi <b>pergerakan gaji biasa secara sebenar</b> kerana CTG tidak melebihi 180 hari pada tahun 2002.
1.10.2004	1229.84 / P1T6 (1283.08 / P1T7)	Tarikh pergerakan gaji. Pegawai diberi <b>pergerakan gaji biasa secara isyarat kali pertama</b> di bawah Sistem Saraan Malaysia kerana CTG melebihi 180 hari pada tahun 2003.
1.10.2005	1336.32 / P1T8	Tarikh pergerakan gaji. Pegawai diberi pergerakan gaji biasa secara sebenar.

Catatan: Gaji dalam ( ) adalah secara isyarat

## Lampiran D2

### **CONTOH PERGERAKAN GAJI PEGAWAI CUTI TANPA GAJI (CTG) MELEBIHI 180 HARI DALAM SATU TAHUN KALENDAR**

Jawatan: Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 (N6)

Tarikh Pergerakan Gaji: 1 Oktober

Tempoh CTG: 1.5.2001 – 30.4.2003

1.5.2003 - 30.8.2007

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1.5.2001	(1056.00 / P1T5)	Pegawai mula CTG.
1.10.2001	(1104.00 / P1T6)	Tarikh pergerakan gaji. Pergerakan gaji mendatar secara isyarat kerana pegawai sedang CTG.
1.1.2002	(1214.84 / P1T6)	Pelarasan gaji 10%.
1.10.2002	(1214.84 / P1T6)	Tarikh pergerakan gaji. Tiada pergerakan gaji kerana CTG lebih daripada 180 hari pada tahun 2001 di bawah SSB.
1.11.2002	(1229.84 / P1T6)	Pegawai terima Sistem Saraan Malaysia.
1.10.2003	(1283.08 / P1T7)	Tarikh pergerakan gaji. Pegawai diberi <b>pergerakan gaji biasa secara isyarat kali pertama</b> di bawah Sistem Saraan Malaysia kerana CTG melebihi 180 hari dalam tahun 2002.
1.10.2004	(1336.32 / P1T8)	Tarikh pergerakan gaji. Pegawai diberi <b>pergerakan gaji biasa secara isyarat kali kedua</b> di bawah Sistem Saraan Malaysia kerana CTG melebihi 180 hari dalam tahun 2003.

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1.10.2005	(1389.56 / P1T9)	Tarikh pergerakan gaji. Pegawai diberi <b>pergerakan gaji biasa secara isyarat kali ketiga</b> di bawah Sistem Saraan Malaysia kerana CTG melebihi 180 hari dalam tahun 2004.
1.10.2006	(1389.56 / P1T9)	Tarikh pergerakan gaji. Tiada pergerakan gaji kerana CTG <b>melebihi 180 hari pada tahun 2005 dan telah mendapat 3 kali pergerakan gaji biasa secara isyarat</b> di bawah Sistem Saraan Malaysia.
1.9.2007	1389.56 / P1T9	Tarikh pegawai melapor diri bertugas selepas CTG.
1.10.2007	1389.56 / P1T9	Tarikh pergerakan gaji. Tiada pergerakan gaji kerana pegawai CTG <b>melebihi 180 hari pada tahun 2006 dan telah mendapat 3 kali pergerakan gaji biasa secara isyarat</b> di bawah Sistem Saraan Malaysia.
1.10.2008	1389.56 / P1T9	Tarikh pergerakan gaji. Tiada pergerakan gaji kerana pegawai CTG <b>melebihi 180 hari pada tahun 2007 dan telah mendapat 3 kali pergerakan gaji biasa secara isyarat</b> di bawah Sistem Saraan Malaysia.
1.10.2009	1442.80 / P1T10	Tarikh pergerakan gaji. Pegawai diberi pergerakan gaji biasa secara sebenar.

Catatan: Gaji dalam ( ) adalah secara isyarat